

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Sejahtera,
Salam 1 Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2017 dan Selamat Tahun Baru Hijrah 1438 kepada semua Ahli-ahli Majlis, warga Majlis Daerah Batu Gajah dan warga Batu Gajah secara amnya. Semoga kedatangan tahun baru ini, dapat kita bersama-sama memperbaharui iltizam dan menyuntik semangat baru bagi meningkatkan lagi budaya kerja cemerlang dan kualiti perkhidmatan yang tinggi demi menjayakan visi dan misi organisasi kita.

Mengimbau kembali kepada usaha dan peranan yang disempurnakan sepanjang tahun 2016, saya percaya ianya banyak menambah pengalaman serta kemantangan kita. Apa jua yang dinikmati sepanjang tahun 2016, samada pangkat atau imbuhan, anugerah atau sanjungan, mahupun musibah dan kegagalan adalah merupakan senarai lengkap bagi membentuk peribadi kita di masa-masa yang mendatang.

Sebagai individu utama yang diamanahkan untuk menerajui MDBG, saya berazam untuk merangka dan melaksanakan perubahan-perubahan yang perlu bagi memastikan MDBG lebih cemerlang dari segi struktur organisasinya mahupun perkhidmatan kepada masyarakat.

Dalam menangani cabaran yang bakal mendatang untuk tahun 2017, serta dalam rangka Pelan Strategik 2015-2020, teras kepada setiap kejayaan adalah komitmen, pengurusan yang cekap dan tenaga kerja yang berkualiti selaras dengan iltizam untuk menjadi sebuah PBT yang unggul.

Oleh yang demikian, bagi tahun 2017 kita harus masuk ke gerbang transformasi minda baru. Justeru itu, disiplin yang tinggi dikalangan warga kerja MDBG harus dipertingkatkan lagi bagi membina lebih banyak kejayaan yang membanggakan. Sistem penyampaian kepada pelanggan perlu bebas daripada kerendah-kerendah birokrasi lapuk yang menjadi kekangan kepada kecemerlangan perkhidmatan.

Saya ingin mengambil iktibar untuk berpesan kepada seluruh warga MDBG, tidak mengira pangkat atau jawatan, agar sentiasa berasa syukur dengan limpahan nikmat yang dikurniakan Ilahi. Saya amat yakin bahawa dengan rasa syukur pasti akan menjauhkan diri kita dari sifat-sifat negatif seperti dengki dan tamak sekaligus menjauhkan kita dari rasuah serta gejala-gejala lain yang bakal menjatuhkan semangat dan moral warga MDBG seluruhnya.

Semoga kedatangan tahun 2017 akan membawa lebih banyak peluang yang positif kepada seluruh warga kerja di MDBG. Tiada jalan yang mudah, setiap cabaran perlu dihadapi dengan dada yang lapang dan minda yang terbuka.

Saya doakan agar tahun 2017 menjanjikan kerahmatan kepada semua warga kerja dan warga Batu Gajah. Terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa memberi sokongan bagi merealisasikan visi dan misi MDBG.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah
Yang Dipertua MDBG